



SESI MUZAKARAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BERSAMA AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2026

Selasa, 09 Sya'aban 1447H | 27 Januari 2026M

BANDAR SERI BEGAWAN - Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke sesi muzakarah ini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sesi pemuzarakahan ini didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, selaku ketua rombongan bagi mewakili Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah berkongsi beberapa perkara berkaitan isu Kementerian Pembangunan, terutamanya isu infrastruktur dan pengurusan penyelenggaraannya seperti kerja pemeliharaan, baik pulih serta menaik taraf aset fizikal kerajaan.

Rombongan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya diberikan taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak. Taklimat tersebut juga diisikan dengan penerangan mengenai usaha-usaha menangani kejadian banjir di Kuala Belait yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Jabatan Kerja Raya, Cawangan Daerah Belait dan Tutong, Dayang Fazidah binti Haji Md Daud.

Sesi muzakarah ini merupakan salah satu platform untuk berkongsi maklumat terkini, pencerahan mengenai perkembangan perkhidmatan, dasar, pencapaian serta inisiatif Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya khususnya dalam penyediaan prasarana yang berkualiti sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu ke arah mencapai kualiti kehidupan yang tinggi.

Turut hadir sama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Norazmi bin Othman; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: pr@mod.gov.bn



**MUZAKARAH SESSION BETWEEN THE MINISTRY OF DEVELOPMENT
AND THE MEMBERS OF THE LEGISLATIVE COUNCIL
2026**

Tuesday, 09 Sya'aban 1447H | 27 January 2026M

BANDAR SERI BEGAWAN - The Ministry of Development held a Muzakarah Session with Members of the Legislative Council at Dewan Atria Simpung, Public Works Department Headquarters.

Welcoming the Legislative Council members to the session was the Minister of Development, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

The muzakarah session commenced with the recitation of Surah Al-Fatihah and Doa Selamat, followed by welcoming remarks from the Minister of Development and a formal response delivered by Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, as the head of the delegation representing the Members of the Legislative Council.

The Minister of Development, in his welcoming remarks, shared several matters concerning issues under the Ministry of Development, particularly those related to infrastructure and the management of its maintenance, including preservation works, repairs and the upgrading of government facilities.

The Legislative Council members received a briefing from Dr Nor Intihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary of the Ministry of Development followed by a briefing on flood mitigation efforts in Kuala Belait explained by Dayang Fazidah binti Haji Md Daud, Assistant Director of the Public Works Department, Kuala Belait and Tutong districts branch.

This session served as a platform to share the latest information and provide clarification on developments in services, policies, achievements and initiatives of the Ministry of Development and its departments, particularly in relation to the provision of quality infrastructure, as envisioned by the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in realising the Brunei Vision 2035 towards achieving a high quality of life.

Also in attendance were the Permanent Secretary, Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; the Deputy Permanent Secretary (Construction Industry and Development), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub; the Deputy Permanent Secretary (Infrastructure, Housing and Professional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; the Acting Director General of Public Works, Awang Norazmi bin Othman; heads of departments; and senior officers from the Ministry of Development and its departments.

-END-

Prepared and released by:
Public Relations Unit
Ministry of Development
Brunei Darussalam
E-mail: pr@mod.gov.bn